

# BAB PERTAMA

## PENDAHULUAN


### 1.0 Pengenalan

Bahasa merupakan keperluan asas terawal dan utama bagi manusia. Bahasa juga adalah anugerah Allah S.W.T., yang paling berharga dalam kehidupan manusia. Penguasaan bahasa yang baik merupakan modal yang amat berharga bagi membantu seseorang mencapai kejayaan .

Thomas Pyles dan John Algeo ( 1982 : 3 ) menyatakan “Bahasa satu sistem isyarat dan percakapan umum yang merupakan media komunikasi antara manusia”. Tanpa bahasa manusia tidak mungkin dapat berinteraksi dan berkomunikasi dalam hidup bersama masyarakat.

Teuku Iskandar (1970 : 58 ) menjelaskan “Bahasa sebagai sistem lambang, sistem bunyi, dan sistem suara yang menjadi alat perhubungan antara ahli dalam sesuatu kelompok manusia”. Menerusi sistem lambang, sistem bunyi, dan sistem suara dapat melahirkan budi bahasa, sopan santun dan akhlak yang mulia. Bahasa yang baik, sedap didengar, keadaan jadi tenang, suasana jadi ceria.

Firman Allah S.W.T., dalam surah Ibrahim : 24 –25





Bermaksud : “Tidakkah engkau melihat ( wahai Muhammad ) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, yaitu **kalimah yang baik** adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat ( mendapat pelajaran).

( Tafsir Pimpinan Al-Rahman : 1988 : 601-602 )

Firman Allah lagi surah Ibrahim : 26



Bermaksud : “Dan bandingan kalimah yang jahat-buruk samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah terbongkas akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup”.

( Tafsir Pimpinan Al-Rahman : 1988:-602 )

Kalimah atau perkataan yang baik seperti kalimah tauhid, kalimah al-Quran, kalimah Rasul atau secara umumnya setiap kalimah atau perkataan yang membuktikan iman dan taat kepada Allah yang dapat menjaga hubungan manusia dengan Allah S.W.T, *hablum min Allah* dan yang dapat menjaga hubungan manusia dengan manusia *hablum min al-nas*. Sementara kalimah atau perkataan yang buruk, jahat ialah kalimah atau perkataan kufur, syirik yang merosakkan hubungan manusia dengan Allah S.W.T. dan yang merosakkan hubungan manusia dengan manusia.

Mustafa Hj.Daud (1996: 24) menyatakan “Bahasa telah tumbuh dengan banyaknya ada yang hilang ada yang kekal . Dianggarkan 5000 bahasa yang wujud di dunia ini, ada yang bertaraf antarabangsa, ada yang lingua franca, bahasa baku, dialek dan kacukan. Perbezaan bahasa merupakan satu ketetapan dan perancangan Allah S.W.T. untuk menggalakkan manusia bersatu padu dan bekerjasama di samping faktor alam sekitar dan pengalaman manusia yang berbeza. Hanya bahasa Arab terpilih sebagai bahasa Al-Qur’an dan sebagai bahasa syurga.

Fadl Hasan Abbas ( 1999 : 20 ) menjelaskan “Bahasa Arab adalah bahasa yang paling unggul, kaya dengan istilah, sempurna makna, luas skop dan batasannya dan melimpah ruah bidang frasa dan klausanya itulah hikmahnya Allah S.W.T memilih bahasa Arab sebagai bahasa kitab yang kekal yang membawa risalah Allah S.W.T. itu”.


Bahasa Arab adalah bahasa al-Qur’an. Memahami bahasa Arab memudahkan seseorang memahami isi kandungan kitab Allah S.W.T. Bahasa Arab sama seperti bahasa-bahasa lain, mempunyai berbagai gaya, laras dan variasi. Tasybih adalah salah satu gaya bahasa yang indah. Bahasa yang indah, dapat menyentuh perasaan, menenangkan fikiran dan meredakan kemarahan. Tasybih juga merupakan gaya bahasa yang mudah difahami, indah didengar, sering diungkapkan sebagai bunga-bunga bahasa, mampu mengusik perasaan suka, duka atau benci. Dan dapat menjelaskan maksud dan tujuan, dan akhirnya dapat mengoptimumkan maksud sampai kepada yang dihasratkan.

Surah al-Baqarah pula satu daripada surah al-Qur’an.. Al-Qur’an al-Karim adalah nama khusus bagi kalam Allah S.W.T yang menjadi sumber utama ajaran Islam.

Untuk mengenali dan memahami Islam dalam konteks ajaran dan tatacara hidupnya yang berkaitan dengan aqidah, ibadah, akhlak, kesopanan dan seluruh bidang kehidupan di mayapada dan kehidupan selepas mati, setiap individu khususnya individu muslim perlu memahami al-Qur'an dengan sebaik-baiknya. Al-Qur'an sebagai panduan dan pegangan dalam mengharungi kehidupan sebagai seorang muslim yang sebenar-benarnya. Al-Qur'an sebagai petunjuk bagi orang yang bertaqwa. Al-Qur'an telah menyarankan apa yang terbaik dalam menyusun atur kehidupan seorang insan itu dari ia dilahirkan sehinggalah bercerai nyawa dari badan..

Al-Qur'an menunjuk arah dan memandu cara dalam semua aspek sama ada aspek rohani, jasmani, sosial, ekonomi, politik dan kehidupan selepasnya di akhirat.

Firman Allah dalam surah al- Nahl : 89



Bermaksud : “Dan ( ingatkanlah tentang) hari Kami bangkitkan dalam kalangan tiap-tiap umat, seorang saksi terhadap mereka, dari golongan mereka sendiri; dan Kami datangkan kamu (wahai Muhammad) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu) dan Kami turunkan kepadamu al-Qur ‘an menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah pentujuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam”.

(Tafsir Pimpinan Al-Rahman : 1988: 656 )

Al-Qur'an juga merupakan perlembagaan hidup yang paling dominan. Ianya adalah kata-kata Allah S.W.T yang diwahyukan kepada rasulNya yang terakhir Muhammad S.A.W. Al-Qur'an diturunkan dalam bahasa Arab bersesuaian dengan Rasulullah S.A.W. yang berbangsa Arab. Al-Qur'an merupakan kitab mukjizat. Antara kemukjizatan dan keunggulan al-Qur'an ialah dari segi kehalusan dan ketinggian bahasanya yang sangat indah; Allah S.W.T titipkan susunan ungkapanNya dengan begitu rapi dan mempesonakan seluruh pakar bahasa. Keindahan bahasanya merangkumi metafora yang sangat indah yang mengagumkan pakar bahasa dan para sasterawan Arab Jahiliah iaitu ketika al-Qur'an diturunkan. Antara kemukjizatan dan keunggulan bahasa al-Qur'an ialah dari segi retorik atau balaghah, dan satu bahagian dari bidang kajian retorik atau balaghah Arab ialah al-Tasybih yang menjadi fokus kajian ini.

Sasterawan Arab Jahiliah termasyhur dengan kemahiran dan kepakaran mereka dalam bidang bahasa sama ada berbentuk prosa atau puisi khususnya dalam bahagian syair, mereka sangat berbangga dengan kepakaran mereka itu. Antara lumrah kehidupan mereka sering mempertandingkan hasil karya syair yang sangat indah dari segi bahasanya.

Mohd Hasan Darwisy ( 1971 : 153 ) menjelaskan "Majoriti ahli sejarah menyatakan pakar bahasa Arab Jahiliah sering mengadakan pertandingan syair-syair ciptaan mereka di pasar seni Ukaz dan Dzul Majaz. Sementara syair-syair yang terpilih di dalam pertandingan itu ditulis dengan tinta emas dan digantung di dinding Kaabah untuk tatapan umum. Namun keindahan dan keistimewaan bahasa Al-Qur'an tidak dapat ditandingi oleh mereka, sekaligus melumpuhkan keangkuhan dan kesombongan para sasterwan Arab Jahiliah tersebut. Walaupun demikian mereka tetap tidak


mempercayai ayat al-Qur'an itu sebagai kata-kata Allah *Rab Al-Jalil*. Allah S.W.T mencabar sasterawan Arab Jahiliah supaya menghasilkan satu surah sahaja yang setanding dengan al-Qur'an.

Firman Allah dalam surah al - Baqarah : 23



Bermaksud Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Qur'an) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur'an itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar. ( Tafsir Pimpinan Al-Rahman : 1988 : 14 )

Firman Allah lagi dalam surah al-Israk : 88



Bermaksud: “Katakanlah ( wahai Muhammad) : “Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Qur'an ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun bantu membantu sesama sendiri”.

( Tafsir Pimpinan Al-Rahman 1988 : 702-703)

Kaum musyrikin Arab, terutama pujangga-pujangganya telah dicabar berulang kali supaya membuat satu surah sebanding dengan al-Qur'an, tetapi mereka tidak dapat membuatnya. Dan Allah menegaskan lagi bahawa jika sekalian manusia dan jin berhimpun dan bekerjasama untuk tujuan itu, mereka juga tidak akan dapat membuatnya. Cabaran dari Allah S.W.T menerusi dua ayat al-Qur'an di atas jelas membuktikan bahawa pakar bahasa Arab tidak mampu mereka cipta ungkapan yang setanding dengan mutu bahasa al-Qur'an. Setelah ahli bahasa Arab Jahiliah gagal menghasilkan karya setanding dengan al-Qur'an, akhirnya mereka mengatakan bahawa kalam Allah S.W.T. itu sebagai sihir.

Di dalam al-Qur'an juga terhimpun peristiwa, kesah teladan dan pengajaran dari umat yang terdahulu sejak dari dunia dan manusia diciptakan sehinggalah ke akhir zaman, iaitu saat kehancuran dan kemusnahan alam ini dan alam selepas itu iaitu alam akhirat. Al-Qur'an mengandungi seratus empat belas surah; enam ribu enam ratus enam puluh enam ayat. Salah satu dari surahnya ialah surah al-Baqarah iaitu surah yang kedua mengikut susunan surah al-Qur'an. Surah al-Baqarah adalah surah yang terpanjang dari segi bilangan ayatnya iaitu sebanyak dua ratus lapan puluh enam ayat. Banyak peristiwa, panduan dan teladan terdapat di dalam surah al-Baqarah.

### **1.1. Pernyataan Masalah**

Al-Qur'an sebagai panduan, rujukan dan perlembagaan hidup khususnya bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan di dunia yang fana ini. Di dalamnya tersusun bahasa yang indah dan makna yang luas. Bagi memahami dan menghayati keindahan bahasa al-Qur'an dan yang lebih penting lagi untuk memahami isi kandungannya supaya dapat

dijadikan panduan dan pegangan hidup yang benar dan diredai Allah S.W.T bukanlah satu perkara yang mudah, lebih lagi bagi mereka yang tidak memahami bahasa Arab dan bahasa Arab menjadi bahasa asing atau bahasa kedua bagi mereka. Sedangkan al-Qur'an berbahasa Arab.

Firman Allah S.W.T. surah al-Zumar : 28



Bermaksud: Iaitu al:Qur'an yang berbahasa Arab, yang tidak mengandungi sebarang keterangan yang terpesong, supaya mereka bertaqwa.”

( Tafsir Pimpinan Al-Rahman : 1988 : 1227 )

Persoalan pertama ialah apabila menyedari hakikat bahawa rakyat Malaysia yang berbangsa Melayu, beragama Islam, berbahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka, Tetapi tidak ramai dikalangan orang Melayu memahami bahasa Arab, lebih-lebih lagi untuk memahami struktur ayat yang mengandungi balaghah atau retorik dalam bahasa Arab, amatlat sukar bagi mereka. Perkara ini menyukarkan mereka untuk memahami dan menghayati al-Qur'an yang menjadi perlembagaan agama Islam. Persoalan ini menyumbang kepada minat penulis memilih dan menjadikan permasalahan tersebut ( sukar memahami ayat al-Qur'an yang mengandungi struktur ayat balaghah ) sebagai penyataan masalah atau persoalan kajian.

Pengalaman penulis yang telah melalui pembelajaran bahasa Arab secara formal sejak dari peringkat menengah hingga ke peringkat pengajian tinggi, kemudian terlibat pula dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat Institut Perguruan. Pencapaian dan kemahiran dalam bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu belum dapat dibanggakan, walaupun berbagai usaha telah dijalankan dan terus dijalankan.



Apatah lagi bagi umat Islam yang tidak terdedah langsung dengan pembelajaran bahasa al-Qur'an itu. Bagaimana mereka boleh menghayati dan merasa kagum dengan keindahan bahasa al-Qur'an yang mereka sanjungi dan sayangi itu. Menyedari keadaan sedemikian penulis kemukakan tajuk "Tasybih Dalam Surah Al-Baqarah : Satu Analisis Balaghah"

Kajian ini bukan untuk melihat berapa ramaikah atau sejauhmanakah pencapaian bahasa Arab di negara ini? Tetapi kajian ini adalah kajian perpustakaan lebih kepada pengumpulan dan penambahan maklumat kemudian mengakses dan menghuraikannya dalam bahasa yang mudah agar dapat dihidangkan kepada pembaca yang ingin memahami dan menghayati bahasa al-Qur'an yang menjadi perlembagaan hidup umat Islam itu.

Mustafa Hj.Daud (1996 :25) menyatakan "Bahasa berfungsi sebagai media dakwah, media pendidikan, media ilmu, media politik, media perdagangan dan media sosial. Keunggulan bahasa Arab dan ketekalannya hingga ke hari ini adalah disebabkan kewujudan al-Qur'an. Bahasa Arab dalam al-Qur'an terpelihara hingga ke hari ini kerana bahasa ini menjadi alat dan sebesar-besar sumber dan khazanah utama bagi penyampaian akidah, syarak dan akhlak Islam".

Kelembutan bahasa Arab adalah kesan daripada sumbangan al-Qur'an . Selepas kedatangan al-Qur'an bahasa yang digunakan dalam kesusasteraan Arab semakin indah kerana dipengaruhi oleh keindahan bahasa al-Qur'an yang banyak menggunakan balaghah.

Al-Syed Ahmad Al-Ha:shimiy ( t.t.:28 ) menjelaskan “Balaghah adalah suatu penyampaian pernyataan yang benar dan tepat mengenai sarannya, dengan menggunakan bahasa yang indah, ungkapan yang jelas, terang dan sangat menarik, yang mampu menyentuh perasaan pendengar atau pembaca serta serasi pula dengan situasi dan lokasi ungkapan itu disampaikan”.

Sebagai usaha untuk memudahkan memahami bahasa Arab yang menjadi bahasa pengantar bagi sumber asal agama Islam dan untuk memahami bahasa al-Qur'an yang halus serta indah itu. Penulis membuat kajian ini sekadar yang mampu berpandukan rujukan dan pandangan dari para ilmuan yang berautoriti dan kitab-kitab yang *mu'tabar* juga kajian-kajian yang lepas yang berkaitan.

Diharapkan hasil kajian ini dapat menambahkan maklumat dan menjelaskan perkara-perkara yang mungkin kurang jelas. Dihuraikan dengan bahasa yang mudah menerusi bahasa Melayu yang diguna pakai di negara ini. Walaupun telah ada kajian terdahulu berhubung persoalan-persoalan tentang balaghah Arab khususnya tentang tasybih, tapi penulis merasakan perlu diperbanyakkan dan diperluaskan persoalan tersebut, lebih-lebih lagi dalam versi bahasa Malaysia.

Al--Qur'an dan kebanyakan kitab rujukan asal bagi mengetahui hukum-hukum, peraturan-peraturan dan tatacara agama Islam itu sendiri sebagaimana dimaklumi berbahasa Arab, dan telah pun diketahui umum tidak ramai penganut Islam di negara ini yang memahami bahasa Arab, lantaran bahasa Arab merupakan bahasa asing bagi penduduk negara ini amnya dan penganut Islam khususnya . Semuga kajian ini dapat dijadikan sebagai asas bagi sesiapa yang ingin mengetahui dan memahami balaghah bahasa Arab.

Kajian dalam bidang balaghah bahasa Arab atau retorik dari aspek semantik ini disandarkan kepada surah al-Baqarah. Ayat-ayat yang mengandungi tasybih yang dijadikan sampel dalam kajian ini di analisis untuk memperlihatkan keindahan dan kehalusan bahasa yang terungkap dalam ayat-ayat tersebut, dan sekali gus menghuraikan makna dan maksud ayat tersebut.

Antara perkara yang menjadi persoalan dalam kajian ini, persoalan pertama ialah untuk memahami struktur linguistik khususnya dari segi semantik bahasa Arab tentang perkataan balaghah.

Ruslan Adjun ( 1987 : 18) menjelaskan “Al-Balaghah dari segi semantik bahasa Arab bererti sampai iaitu suatu penyampaian pengertian yang indah, terang dan jelas, dengan menggunakan kata-kata dan ungkapan yang benar dan fasih. Ungkapan itu dapat memberi kesan yang menarik dalam jiwa pendengarnya serta sesuai dengan keadaan tempat perkataan itu diucapkan dan sesuai pula dengan orang-orang yang ditujukan perkataan itu”.

Dari definisi di atas dapat difahami bahawa ungkapan yang dikira sebagai balaghah itu mengandungi empat unsur iaitu :

- i. Ucapan atau lafaz
- ii. Pengertian atau makna
- iii. Susunan kata-kata
- iv. Ketelitian dalam memilih kata-kata dan menyusunnya supaya sesuai dengan tempat di mana kata-kata itu diucapkan dan sesuai pula dengan objeknya.

Susunan itu juga hendaklah selaras dengan keadaan kejiwaan pendengar sebab kadang-kadang sesuatu perkataan itu bermakna baik disuatu tempat mungkin

sebaliknya pula iaitu tidak baik dan tidak menyenangkan di tempat lain.

Seseorang ahli balaghah sebelum menitipkan sesuatu ungkapan dalam bicaranya pertamanya ia hendaklah memikirkan idea yang terkandung dalam jiwanya itu hendaklah benar dan mempunyai nilai keindahan dan kekuatan yang mampu melahirkan daya cipta, mempunyai matlamat yang jelas, bersih dan berperasaan halus sehingga dapat menyusun ideanya itu dalam susunan kata-kata yang indah dan teratur. Setelah dapat mengumpulkan sesuatu gagasan atau inspirasi itu barulah boleh memilih kata-kata yang tepat, jelas dan berkesan. Dan mampu pula menyusun kata-kata itu dengan indah serta mempunyai tarikan..

Balaghah bukanlah semata-mata kata-kata sahaja tidak juga hanya idea atau makna sahaja, bahkan balaghah itu adalah kemampuan yang menjamin kebenaran, kebaikan serta keindahan susunan kata-kata yang berkait rapat dengan keindahan idea itu sendiri. Melalui ilmu balaghah dan bahagian-bahagiannya dapat menghasilkan beberapa tujuan antaranya : :

- i. Dapat merasakan keindahan susunan bahasa Arab itu sendiri dalam bentuk puisi atau prosa.
- ii. Dapat mengetahui keindahan susunan bahasa al-Quran dan memahami maknanya yang dalam dan menyentuh perasaan..
- iii. Dapat melahirkan perasaan keindahan dan mengungkapkan segala fikiran dan pendapat itu dalam susunan bahasa Arab yang indah sama ada dalam bentuk tulisan atau lisan
- iv. Dapat menilai dan mengkeritk karya sastera dalam bahasa Arab dalam puisi atau prosa.

- v. Dapat membuat perbandingan antara kesusasteraan dalam bahasa Arab dan bahasa lain.

Persoalan kedua mengetahui dan menghayati keindahan dan keistimewaan bahasa al-Qur'an yang berbahasa Arab sebagai kalam suci yang menjadi perlembagaan hidup bagi setiap hamba Allah S.W.T. yang beragama Islam. Bahasa Arab mempunyai gaya bahasa yang indah dan penuh dengan segala macam jenis kata berhubung dengan retorik dalam bahasa dan linguistik bahasa Arab.

Muhammad Hasan Daruwi:sy (1971 : 17) menjelaskan Al-Arab adalah nama satu qabilah dari qabilah-qabilah al-Sa:miyah yang mula-mula menduduki Semenanjung Tanah Arab. Bahasa-bahasa mereka dipanggil bahasa Samiyah. Kumpulan bahasa Samiyah ini mengambil sempena nama Sam bin Nuh A.S. Antara bahasa-bahasa Samiyah ialah : Bahasa Aramiyah, bahasa Ibriyah dan bahasa Arabiyah (bahasa Arab).

Persoalan ketiga memahami kandungan al-Qur'an sebagai perlembagaan hidup. Di samping melihat dan meneliti keindahan bahasa al-Qur'an tersebut sekali gus dapat juga membincangkan dan memahami isi kandungannya menerusi kajian bahasanya khususnya ayat-ayat dalam surah al-Baqarah. Penulis merasakan telah tiba masanya bagi umat Islam khususnya di Malaysia ini supaya tidak hanya sekadar membaca ayat-ayat suci di dalam kitab suci itu sahaja malahan beransur-ansur memahami isi kandungannya dan menghayati keindahan bahasanya. Diharapkan kajian yang singkat ini dapat dimanfaatkan oleh pembaca semua.

Bersesuaian dengan tajuk penyelidikan ini iaitu "Tasybih dalam Surah Al-Baqarah : Satu Analisis Balaghah". Tumpuan kajian adalah kepada aspek gaya bahasa

perumpamaan khusus pada ayat-ayat dalam surah Al-Baqarah. Menjelaskan tasybih iaitu gaya bahasa dalam retorik bahasa Arab dengan mengambil pendekatan melalui semantik dalam Bahasa Melayu agar dapat difahami oleh masyarakat Malaysia khusus kepada sesiapa saja yang ingin menghayati keindahan bahasa al-Qur'an dan memahami kandungan kalam Allah S.W.T.yang autentik itu.

Kesukaran dalam memahami teks-teks bahasa Arab, lebih lagi teks-teks yang mengadungi ungkapan yang berbentuk balaghah adalah disebabkan kurang pendedahan dan kurangnya bahan-bahan bacaan dan bahan rujukan tentang balaghah yang ditulis di dalam bahasa Melayu. Walaupun banyak kitab-kitab tafsir dan buku-buku yang berkaitan dengan perbincangan tentang bahasa yang berotoriti dikarang oleh ulamak yang *mu'tabar*, tetapi berbahasa Arab.

Oleh yang demikian penulis berpendapat bahawa kajian tentang balaghah ini perlu diperbanyakkan dan diketengahkan secara terperinci sebagai satu usaha untuk menambah pengetahuan dan mempertingkatkan kefahaman pembacaan dan penulisan khususnya di kalangan pelajar dan masyarakat Melayu, bagi memudahkan mereka memahami al-Qur'an dan *syariat* Islam.

## **1.2 Objektif Kajian**

Kajian ini mensasarkan beberapa objektif :

- 1) Memberi pendedahan dengan jelas tentang tasybih.
- 2) Mengenal pasti dengan jelas jenis-jenis tasybih berdasarkan unsur-unsurnya
- 3) Mengenal pasti dan mengklasifikasikan ayat-ayat tasybih dalam surah al-Baqarah mengikut analisis balaghah.
- 4) Menjelaskan mutu dan nilai yang terdapat di dalam ayat-ayat tasybih dalam surah

Al-Baqarah.

### **1.3 Soalan Kajian**

Bagi mengetahui persoalan yang menjadi tumpuan dalam kajian ini, beberapa soalan kajian yang berkaitan dikemukakan. Persoalan kajian mengenai tasybih sebanyak tiga soalan; persoalan tentang balaghah satu soalan; persoalan tentang surah Al-Baqarah satu soalan dan persoalan tentang tasybih dalam surah Al-Baqarah satu soalan.

Soalan-soala yang dikemukakan ialah :

- 1) Bagaimanakah mengenalpasti ungkapan yang berbentuk tasybih ?
- 2) Bagaimanakah mengklasifikasi Ayat tasybih mengikut jenisnya ?
- 3) Bagaimanakah tasybih dalam surah Al-Baqarah dianalisis mengikut analisis balaghah?
- 4) Apakah mutu dan nilai yang terdapat pada ayat tasybih dalam surah Al-Baqarah?

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Aspek retorik atau balaghah dalam bahasa Arab masih kurang dibincangkan sama ada secara ilmiah atau dalam konteks sosial lebih lagi dalam perbualan harian. Kesukaran memahami makna kata yang berlapis dan bahasa yang berkias dalam sesuatu ungkapan memang rumit, ianya memerlukan kemahiran yang khusus, hanya ahli bahasa yang mampu menjelaskannya. Bagi rakyat Malaysia yang menjadikan Islam sebagai agama

resmi bagi negara ini dan al-Qur'an sebagai panduan dan pegangan umat Islam sudah sewajarnya kandungan al-Qur'an itu penting difahami dengan lebih mendalam. Antara usaha untuk mengatasi kerumitan tersebut ialah pertama fahami dahulu bahasa Arab dengan struktur nahunya kemudian baharulah mudah untuk memahami dan melihat keindahan bahasanya melalui ilmu balaghah.

Permasalahan di atas telah mencabar dan menarik minat penulis untuk menjalankan kajian ini. Kemungkinan juga ramai lagi antara umat Islam yang tertarik dan ingin mengetahui dan menikmati keindahan dan keunikan bahasa Al-Quran seterusnya menghayati kandungan kitab suci yang menjadi kitab perlembagaan dan pegangan hidup mereka itu.

Antara kepentingan kajian ini ialah :

1. Aspek akademik: Dapat membantu pelajar sekolah terutama pelajar di peringkat sekolah menengah dan peringkat institusi pengajian tinggi; kerana antara subjek atau mata pelajaran yang diajarkan dan ditawarkan ialah Bahasa Arab, Balaghah, Ilmu Tafsir, Al-Qur'an, Ilmu Hadis dan lain-lain. Subjek-subjek tersebut merupakan asas kepada pendidikan dan pengajian Islam. Diharapkan kajian ini dapat membantu, mengisi dan menambah kekurangan bahan ilmiah di dalam bidang-bidang tersebut.

2. Merujuk kepada keperluan negara: Demi untuk memperluaskan lagi pemahaman Islam dalam konteks Islam hadari; pemahaman kepada sumber dan panduan Islam itu sendiri ( al-Qur'an dan al-Hadis) adalah amat penting; tidak ramai rakyat negara ini yang mahir dalam bahasa al-Qur'an iaitu bahasa Arab; lebih lagi dalam aspek balaghah. Menurut penulis satu cara untuk memudahkan pemahaman tersebut perlu dipelbagai dan diperbanyakkan lagi bahan bacaan yang menyentuh aspek-aspek gaya bahasa seperti tasybih dan lain-lain lagi khusus dalam versi bahasa Melayu.



3. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang beragama Islam khususnya yang tidak pernah mempelajari bahasa Arab tetapi mereka ingin melihat keunikan bahasa al-Qur'an tersebut dan ingin memahami kandungannya walaupun dalam versi bahasa Melayu, kajian ini mungkin dapat memenuhi hasrat mereka. Dan sebagai bacaan umum untuk menambah maklumat ke arah menghayati al-Qur'an. Diharapkan kajian ini juga mungkin boleh membantu dan memberi manfaat kepada mereka dan kepada yang cintakan al-Qur'an.

4. Kemungkinan juga kajian ini dapat memberi manfaat dan panduan kepada tenaga pengajar yang terlibat dalam bahasa Arab dan ulum al-Tafsir juga kepada tenaga pengajar subjek lain yang mungkin ingin membuat perbandingan dalam aspek retorik antara bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain khususnya bahasa Melayu.

5. Kepada para penyelidik yang ingin mendalami bidang tasybih, kajian ini mungkin boleh dijadikan asas untuk melonjak lebih jauh lagi, atau mungkin boleh dijadikan panduan untuk melihat tasybih dalam surah-surah yang lain selain dari surah Al-Baqarah.

### **1.5 Batasan Kajian**

Kajian ini difokuskan kepada tasybih dan ayat-ayat yang mengandungi tasybih iaitu perumpamaan atau bandingan khusus yang terdapat dalam surah al-Baqarah sahaja. Terdapat enam belas tasybih atau perumpamaan dalam lima belas ayat dari surah al-Baqarah; di mana Allah S.W.T. umpamakan atau bandingkan sesuatu golongan atau objek itu dengan benda-benda lain seumpamanya. Semoga manusia mampu

memikirkannya dan dapat mengkaji berdasarkan kemampuan akalnya untuk berfikir berpandukan tafsiran yang telah dijalankan oleh sarjana dalam bidang tafsir dan bahasa yang telah berabad lamanya dan termasyhur ilmunya dalam bidang tersebut.

Sebelum menghuraikan ayat-ayat tasybih dalam surah al-Baqarah, di huraikan juga tentang tasybih itu sendiri dari segi epistemologinya, dengan melihat pengertian dan contoh perumpamaan dan bandingan dari beberapa aspek, kemudian dikiaskan dan dikaitkan dengan tasybih dalam surah al-Baqarah supaya dapat diklasifikasikan menurut jenisnya agar dapat difahami maknanya yang tersirat dan tersurat disebalik gaya bahasa yang cantik dan indah.

Selain tasybih; surah al-Baqarah itu sendiri juga turut dibincangkan dan difokuskan dengan melihat sejarah penamaannya, bilangan ayat-ayatnya, isi kandungan, dan sebab penurunan antara ayat-ayatnya, kerana aspek-aspek tersebut ada hubungannya dengan aspek bahasa yang hendak dikaji. Butiran tersebut akan diperolehi melalui sumber rujukan yang berautoriti, dari kitab-kitab tafsir dan buku-buku bahasa karya sarjana dan ilmuan yang dikenali pakar dalam bidang tersebut.

## **1.6 Tinjauan Kajian Berkaitan**

Terdapat pelbagai kajian berkaitan dengan balaghah dalam bahasa Arab selain itu terdapat juga hasil penulisan ilmiah yang membincangkan bidang ini. Penulis memulakan kajian ini dengan membuat beberapa tinjauan kepada kajian yang lepas yang berkaitan dengan tasybih dan surah al-Baqarah. Antaranya :

1..Muhammad Saiful Anuar bin Yusoff ( 2002 ) dalam disertasinya bertajuk, “ *Al-Tasybih Dalam bahasa Arab : Kajian Pemikiran Abdul Qahir Al-Jurjani Dalam Asrar Al-Balaghah.*” Memperlihatkan keindahan-keindahan nilai retorika Arab menurut pemikiran Abdul Qahir al-Jurjani pengasas ilmu retorika Arab. Persoalan tasybih dilihat dari dua aspek utama iaitu perkataan tunggal dan makna.

Kesimpulannya beliau membahagikan tasybih kepada dua : Tasybih *Tamthiliy* dan Tasybih Bukan *Tamthiliy*. Beliau mencadangkan perlu ada usaha untuk mengetengahkan kepada umum tentang kajian ayat-ayat al-Quran berasaskan gaya bahasa Ilmu *Baya:n* khususnya al-Tasybih..

Antara saranan beliau:

- i) Adakan kurikulum khas tentang subjek retorik Arab digabungkan dengan subjek Kritikan Sastera.
- ii) IPTA & IPTS beri galakan kepada pelajar dalam bidang retorik Arab
- iii) Pihak IPTA & IPTS membanyakan diskusi berkaitan retorik Arab
- iv) Perbanyakkan bahan bacaan dalam bidang retorik Arab.
- v) Para pendidik perlu memperlengkapkan diri dengan pengetahuan tentang ilmu retorik Arab untuk memberi fahaman sebenar terhadap ayat al-Quran.
- vi) Pihak bertanggungjawab mengambil inisiatif menambahkan rujukan dalam bidang “retorika Arab.”

2. Azman bin Azizan ( 2004 ) dalam disertasinya bertajuk “ *Kiasan Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu : Satu Kajian Perbandingan*” Kiasan atau pun al-kinayah dalam bahasa Arab adalah satu kaedah balaghah Arab yang menampilkan aspek pendidikan, pengajaran dan komunikasi. Beliau menyimpulkan perbezaan yang wujud dalam kiasan bahasa Arab dan bahasa Melayu adalah disebabkan oleh faktor budaya dan agama. Kiasan dalam bahasa Arab mempunyai estitika yang tinggi dan keindahan

yang tersendiri, keunikannya dapat dilihat melalui kitab al-Qur'an al-Karim yang membuktikan keutama bahasa tersebut dilahirkan dalam berbagai bentuk. Gaya bahasa Arab berkait rapat dengan budaya Arab. Begitu juga kiasan dalam bahasa Melayu, kehidupan kampung mempengaruhi bahasa kiasan mereka.

Antara cadangan beliau :

- i.) Perlu wujudkan lebih banyak bahan rujukan berhubung dengan balaghah Arab
- ii) Pakar bahasa perlu menterjemahkan kitab-kitab balaghah Arab ke dalam bahasa Melayu
- iii) Para tenaga pengajar bahasa Arab perlu banyak melakukan kajian-kajian perbandingan dalam semua aspek ilmu bahasa antara bahasa Arab dan bahasa Melayu.
- iv) Semua kaedah ilmu Balaghah Arab iaitu *al Ma'aniy*, *al-Baya:n* dan *al-Badi'* perlu diterokai dengan lebih mendalam.
- v) Beri pendedahan tentang balaghah Arab melalui seminar dan bengkel .

3. Roslan bin Ab Rahman ( 2005 ) dalam disertasinya bertajuk “ *Isti'arah Dalam Surah Al-Baqarah : Satu Analisis Balaghah.*” Penulis disertasi ini mencadangkan dalam usaha untuk mempelajari dan memahami dan menghayati isi kandungan al-Qur'an tidak hanya tertumpu pada cara pembacaan dan maksud ayat sahaja, tetapi perlu juga kepada aspek balaghah atau gaya bahasa al-Qur'an itu sendiri. Isti'arah adalah salah satu daripada ilmu *al-Baya:n* yang terkandung dalam ‘ilmu balaghah Arab . penulis mendedahkan secara terperinci ayat-ayat dalam surah al-Baqarah yang berhubung dengan gaya bahasa *isti'arah* supaya terserlah keindahan bahasa dan keistimewaan ayat-ayat tersebut agar dapat dihayati.

Antara cadangan penulis :

- i. Sukatan Pelajaran Pengajian bahasa Arab perlu beri penekanan tentang aspek

balaghah

- ii. Pihak berkenaan perlu wajibkan subjek balaghah Al-Quran disemua peringkat pengajian agama.
- iii. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlu memainkan peranan memperbanyakkan buku rujukan balaghah Arab dan pihak DBP perlu menambah koleksi terjemahan buku-buku balaghah Arab.
- iv. IPTA & IPTS perlu perbanyakkan seminar atau diskusi buku balaghah al-Qur'a bagi membuka minda masyarakat umum tentang kepentingan mempelajari ilmu balaghah.
- v. Pihak kerajaan perlu menubuh dan menaik taraf jabatan bahasa Arab ke fakulti bahasa Arab dan mewujudkan jabatan balaghah.

4. Ahmad Sukri bin Mustafa ( 2003 ) Disertasinya berjudul “ *Terjemahan surah Al-Baqarah: Analisis Sintaksis Dalam Tafsir Al-Azhar*. Penulis memperlihatkan binaan dan bentuk ayat pasif dalam terjemahan surah al-Baqarah. Perhatian khusus surah al-Baqarah ialah ayat pasif dengan ganti nama diri ke tiga dan ayat pasif bukan dengan ganti nama. Ayat-ayat itu dapat dilihat dari jenis, ragam dan binaannya .

Saranan penulis

- i. Agar ada kajian tentang ayat aktif transitif dan tak transitif
- ii. Selain itu elok juga dibuat kajian tentang penggunaan ayat dasar dan ayat majmuk dalam terjemahan al-Qur'an agar menambahkan dan meluaskan data tentang sintaksis Bahasa Melayu dan dapat menyelami dasar keajaiban al-Qur'an al-Karim.
- iii. Perlu dikaji juga bidang morfologi, wacana stilistik dan lain-lain sebagai usaha

memartabatkan Bahasa Melayu dan al-Qur'an.

5. Nasrun Adil Bin Mohamed Yusof ( September 2003 ) "*Penggunaan Kesusasteraan Arab Dalam Pengajaran Bahasa Arab*". Penulis memperkenalkan kepentingan penggunaan kesusasteraan Arab dalam pengajaran bahasa Arab. Kajian dibuat oleh penulis kerana berlakuan pemencilan kesusasteraan Arab dalam arus pengajaran bahasa Arab terutamanya nahu Arab, menurut beliau kita tidak mampu memahami sesebuah bahasa dengan baik tanpa memahami isi kebudayaan yang terpancar melalui kesusasteraan. Penggunaan kesusasteraan Arab penting bagi menjamin mutu bahasa Arab pelajar dikekalkan dan dipertingkatkan.

Antara cadangan beliau;

- i. Guru perlu kreatif dan proaktif iaitu sentiasa mempunyai keupayaan untuk berfikir dalam mempelbagaikan aktiviti pengajaran supaya lebih berkesan
- ii Minat guru terhadap puisi itu sendiri mestilah sedia tersemai
- iii Guru perlu mencerakinkan syair dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran
- iv Guru hendaklah mementingkan nilai keindahan yang terdapat dalam sesebuah puisi itu
- v Guru menggalakan pelajar mencari jawapan sendiri dalam persoalan yang terdapat dalam sesebuah puisi untuk melatih pelajar lebih kritikal dan dinamik

6. Anzaruddin Bin Ahmad ( Oktober 2004 ) *Bahasa Arab untuk tujuan Agama : Kajian Terhadap sikap dan Motivasi Golongan Profesional*. Kajian ini melibatkan perancangan dan pelaksanaan proses analisis sikap dan motivasi ke atas golongan professional Melayu Muslim di Wilayah Persekutuan untuk dijadikan komponen penting yang menyumbang kepada penggubalan modul P&P bahasa untuk tujuan

khusus. Rumusan kajian ini ialah 70% responden tidak mempunyai latar belakang akademik bahasa Arab kesemua responden menyedari bahawa penguasaan bahasa kedua banyak kelebihannya tetapi gagal menerima hakikat bahawa bahasa Arab merupakan salah satu daripada bahasa ke dua asing yang sangat perlu dipelajari walau bagaimanapun dalam kajian beliau; kesemua responden mempunyai minat yang agak tinggi dalam mempelajari Islam.

Antara cadangan :

- i .Memperbetulkan sikap dan persepsi golongan professional Melayu Muslim terhadap bahasa Arab
- ii Mengembalikan persepsi golongan Jurutera Awam Melayu Muslim, terhadap bahasa Arab ke jalan yang sepatutnya
- iii Menyiap sediakan golongan professional Melayu Muslim untuk mmeperkasakan umat Islam
- iv Menggabungkan akhlak dan ciri professional
- v .Menentukan dengan jelas matlamat mempelajari bahas Arab.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Metodologi kajian ini berasaskan kajian kualitatif berbentuk deskriptif disempurnakan melalui kajian perpustakaan dengan meneliti sumber utama al-Qur'an al- Karim dan sumber kedua kitab-kitab tafsir dan terjemahan al-Qur'an, buku-buku dari pelbagai bahasa, internet, dan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji yang terdahulu yang relevan dengan tasybih dan surah al-Baqarah.

Data utama ialah ayat-ayat tasybih dari surah al-Baqarah dan data sekunder ayat-ayat tasybih dari surah-surah yang lain dan contoh-contoh yang dibuat oleh sarjana bahasa

dan pengkaji terdahulu sebagai perbandingan. Data dikenal pasti dengan melihat ayat-ayat dari surah al-Baqarah yang mengandungi tasybih atau bandingan dan perumpamaan, ayat-ayat tersebut dianalisis dengan mengklasifikasikan dan mengkategorikan data tersebut mengikut bahagian-bahagian tasybih. Kemudian setiap ayat tasybih tersebut dihurai mengikut fungsi dan maksudnya berdasarkan rujukan kepada kitab-kitab tafsir.

## **1.8 Rangka Kajian**

Kajian “Tasybih Dalam Surah Al-Baqarah : Satu Analisis Balaghah” ini mengandungi lima bab. Tajuk-tajuk besar setiap bab ialah : Bab pertama “Pendahuluan”, bab kedua “Tasybih Dan Surah Al-Baqarah” bab ketiga “Analisis Tasybih Dalam Surah Al-Baqarah”, bab keempat “Dapatan Kajian” sementara bab kelima ialah “Rumusan dan Cadangan “ dan akhirnya penutup. Setiap bab dipecahkan kepada tajuk-tajuk kecil.

### **1.8.1 BAB PERTAMA : PENDAHULUAN**

Bab pertama ini menyentuh pengenalan ringkas, tentang bahasa, tinjauan terhadap pandangan beberapa sarjana berhubung dengan konsep bahasa secara umum dan dimantapkan lagi dengan dalil-dalil dari al-Qur’an yang menunjukkan keunggulan bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur’an. Tujuan kajian ini untuk melihat tasybih dalam wahyu Allah dalam surah al-Baqarah yang menjadi sampel kajian ini. Penyataan masalah dalam kajian ini ialah masalah kesukaran memahami teks bahasa Arab khususnya yang berbentuk balaghah. Antara objektif kajian ini ialah memberi pendedahan tentang tasybih dalam surah al-Baqarah. Oleh kerana itu diutarakan



beberapa soalan kajian. Antara kepentingan kajian ini untuk memberi tambah maklumat berhubung dengan balaghah Arab. Kajian ini dibataskan kepada persoalan tasybih dalam surah al-Baqarah. Bagi memantapkan lagi kajian ini beberapa kajian lepas dirujuk. Kajian kualitatif berbentuk deskriptif melalui kajian perpustakaan menjadi metodologi kajian ini. Seterusnya disentuh tentang rangka kajian dan akhirnya kesimpulan.

### **1.8.2 BAB KE DUA : TASYBIH DAN SURAH AL-BAQARAH**

Sebagai pendahuluannya menyatakan tentang variasi bahasa dan tasybih adalah satu dari cabang balaghah bahasa Arab, dengan memaparkan definisi tasybih dari segi bahasa dan istilah menurut sarjana dan pakar bahasa, kemudian memperlihatkan kedudukan tasybih dalam bahasa Arab, seterusnya menyatakan perbandingan antara tasybih dengan gaya bahasa dalam bahasa Melayu. Selepas itu perbincangan tentang rukun dan unsur tasybih, menjelaskan tentang bahagian *musyabbah* dan *musyabbah bih*; *wajah syabah* dan bahagiannya; *adat tasybih*; dan tentang bahagian-bahagian tasybih; dan tujuan tasybih. Kemudian pengenalan surah al-Baqarah menjelaskan tentang sebab dinamakan surah al-Baqarah, kisah lembu betina dan mukjizat nabi Musa A.S. Dan akhir bab ini dijelaskan tentang kepentingan atau kenapa surah al-Baqarah menjadi pilihan.

### **1.8.3 BAB KE TIGA : ANALISIS TASYBIH DALAM SURAH AL-BAQARAH**

Dalam pendahuluan bab ini sepiantas lalu dinyatakan tentang konsep tasybih dan bilangan ayat tasybih dalam surah al-Baqarah dan kandungan ringkas surah al-Baqarah. Seterusnya perbincangan tentang tasybih yang terdapat dalam ayat-ayat

dari surah al-Baqarah. Setiap ayat yang berkaitan diterjemahkan, dinyatakan tasybihnya, diuraikan tasybih tersebut mengikut unsurnya dan dikategorikan mengikut bahagian-bahagian tasybih dan akhirnya dijelaskan keterangan ayat-ayat tersebut berdasarkan tafsiran dari ulama yang muktabar.

#### **1.8.4 BAB KE EMPAT : DAPATAN KAJIAN**

Di dalam bab ini dibentangkan dapatan dari kajian terhadap tasybih dalam surah al-Baqarah ialah mutu dan nilai tasybih tersebut antaranya kesan kepada ketepatan maksud sesuatu tasybih itu yang membawa kepada penjelasan terhadap perkara-perkara yang ditasybihkan dan melalui ungkapan tasybih di dalam ayat-ayat suci tersebut dapat diambil beberapa nilai-nilai murni yang patut diamalkan dalam kehidupan insane. Antaranya nilai berhati-hati, taqwa, nilai benar tulus dan ikhlas, nilai kasihkan Allah, nilai taat dan patuh kepada perintah Allah, nilai bersyukur, nilai kebersihan dan kesejahteraan, nilai pemurah, nilai ikhlas dan jujur dan nilai amanah. Didapati juga nilai kesan tasybih kepada keindahan bahasa dan akhirnya membincangkan kesan penggunaan unsur-unsur tasybih dalam surah al-Baqarah dan dirumuskan dalam bentuk jadual-jadual bagi ayat-ayat tasybih dalam surah al-Baqarah.

#### **1.8.5 RUMUSAN DAN CADANGAN**

Dalam bab terakhir ini penulis menyenaraikan beberapa keistimewaan tasybih, kemudian merumuskan hasil dapatan kajian dan mengemukakan secara ringkas beberapa cadangan dan penyelesaian bagi memudahkan lagi memahami dan menghayati bahasa al-Qur'an dan kandungannya khususnya dalam aspek retorik atau

balaghah dalam bahasa Arab, sebagai penutup penulis mengharapkan kajian yang ringkas dan kecil ini agar menjadi satu bahan dan idea positif kepada semua.

## **1.9 Kesimpulan**

Tasybih dalam balaghah Arab adalah satu aspek retorik yang sangat indah dan cantik, membandingkan sesuatu perkara dengan perkara yang tidak ada kaitan dari segi lahir fizikalnya tetapi mempunyai persamaan dari aspek yang lain contoh dari segi sifatnya atau lain-lain. Tujuan utama memahami tasybih ialah untuk memahami bahasa Arab dan seterusnya memahami maksud isi kandungan ayat-ayat al-Qur'an dengan lebih luas dan mendalam. Di dalam bab pertama ini menyentuh tentang bahasa, kerana kajian tentang tasybih bermakna kajian tentang bahasa, tasybih adalah satu daripada komponen bahasa Arab, beberapa pandangan pakar bahasa, tentang bahasa dijadikan rujukan. Bahasa sebagai sistem lambang yang menjadi alat penghubung antara manusia. Bahasa Arab, adalah bahasa al-Qur'an, menjadi bahasa asing bagi umat Islam di Malaysia. Bukan mudah untuk memahami bahasa asing, lebih lagi untuk memahami gaya bahasa tersebut, namun penulis cuba memudahkan perkara yang dianggap sukar itu dengan kajian "Tasybih dalam surah al-Baqarah satu analisis balaghah".